



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 6 - 5 Mei 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa dan kekal, Engkau senantiasa bersedia untuk mendengar doa kami lebih daripada kami berdoa dan memberi lebih daripada apa yang kami ingin atau layak menerima; curahkanlah kepada kami kelimpahan rahmat-Mu, ampuni kami daripada hal-hal yang menakutkan hati nurani kami, dan berilah kami hal-hal yang baik yang kami tidak layak meminta kecuali melalui kebaikan dan pekerjaan pendamaian Yesus Kristus Anak-Mu Tuhan kami. Amin

**SAYA TAHU
SAYA TAHU
SAYA TAHU**
Saya memiliki hidup
yang kekal.

- 1 Yohanes 5:13



Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikasstreams](https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. HARI KENAIKAN


Khamis depan, 9 Mei, adalah Hari Kenaikan. Kita bersyukur kerana Yesus, setelah kematian dan kebangkitan-Nya, telah naik ke syurga. Dia kini duduk di sebelah kanan Allah; untuk memerintah dan bersyafaat. Kita menanti kedatangan-Nya lagi. Beberapa aktiviti:

- 10:00 pagi - Perayaan di ARK. Jika anda ingin menjadi sebahagian daripada pasukan untuk melawat dan melayani di sana, sila daftar di Meja Pelayanan.
- 7:30 pagi - Pertemuan Doa Khusus, di gereja. Dijalankan dalam BC, BI & BM.
- Tiada Kebaktian Khusus di gereja kita. Bagaimanapun, tersedia di Katedral All Saints: 7:30 malam - BM (Hosanna); 8:00 malam - BC (Glory); 8:00 malam - BI (Katedral).

Sementara itu, Kita meneruskan pelajaran kita tentang 'kebangkitan komuniti'. Komuniti ini lebih dikenali sebagai 'gereja', merupakan kesan ketara dari kebangkitan Yesus Kristus. Ia bermula dengan 120 murid Yesus pada hari Pentakosta. Ia perlahan-lahan, tetapi secara berterusan dan pasti, lalu berkembang menjadi komuniti di seluruh dunia.

Berdasarkan surat 1 Yohanes, judulnya adalah:

- 7 April: Persekutuan - 1 Yohanes 1:5-2:2
- 14 April: Kebenaran - 1 Yohanes 3:1-7
- 21 April: Ketaatan - 1 Yohanes 3:16-akhir
- 28 April: Keberanian - 1 Yohanes 5:1-6
- 5 Mei, hari ini: Keyakinan - 1 Yohanes 5:9-13
- 12 Mei, Hari Ibu: Kasih - 1 Yohanes 4:7-akhir
- 19 Mei, Pentakosta: Kuasa



2. KHEMAH MUDA-MUDI

Kira-kira 40 pemuda-pemudi kita yang telah mendaftar untuk khemah muda-mudi BC & BI Diosis, Tawau, 28-30 Mei. Kami berharap agar ramai lagi anak muda yang akan menyertainya. Dalam pada itu, mereka sedang mengumpul dana untuk menampung tambang bas mereka, dengan cara:

- hari ini - **jualan-makanan-mini**, di Pavilion;
- Sabtu hadapan, 11 Mei, 10:00 pg-5:00 mlm - **mencuci kereta**, di persekitaran gereja; dengan sumbangan dijadangkan bernilai RM50/- per kereta (dari basikal ke Vellfire!!);
- sumbangan kasih dari bapa-bapa dan ibu-ibu.

Sasaran: RM5000/-. Marilah memberikan sokongan padu kepada

mereka. Di seluruh diosis, lebih dari 400 anak muda telah mendaftar. Berdoa untuk pekerjaan Tuhan yang besar dalam hidup mereka.

3. TAHNIAH

Tahniah diucapkan kepada gereja Good Shepherd, Sandakan, sempena ulang tahun ke-40 mereka. Ramai daripada mereka yang pernah melayani di sana akan berkumpul untuk sambutan pada malam ini; termasuk Bishop Chen Fah, Dean Musa Ambai, Rektor kita, dan Lorraine.

4. KESYUKURAN PENUAIAN

26 Mei, Ahad, Pavilion, 1:00 petang - kita meraikan kebaikan Tuhan yang menyediakan kita 'makanan kita sehari-hari'. Datanglah untuk serta persekutuan makan tengah hari (hidangan etnik); diikuti dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan masyarakat. Semua dialu-alukan. Ajak juga kawan-kawan anda.

5. PROJEK 'LABUR'

Projek ini adalah untuk membina sebuah penginapan tambahan untuk staf gereja kita. Tapak telah ditanda. Silalah pergi melihatnya, di sekitar Pavilion. Sementara itu, usaha mengumpul dana diteruskan:

- Diperlukan - RM600,000
- Minggu lalu - RM2,085/-
- Jumlah sehingga kini - RM26,695-

6. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh En. Tok & isteri, sebagai tanda kesyukuran ulang tahun pernikahan mereka.
- 11 Mei, 9:30 pg - Persekutuan Evergreens, Dewan Omega.
- ACARA STS - di Seminari Teologi Sabah:
 - 14-16 Mei, 7:30 mlm - pelbagai bengkel muzik
 - 17 Mei, 7:30 mlm - konsert muzik mini dan koir (masuk percuma).
- 3 Jun, 8:00 pagi-4:00 petang - bazar kutipan dana Gereja Manggatal. Kunjungi deretan gerai tersedia - makanan, tumbuhan, alat, deko, dll. Kupon dijual. Beli untuk diri sendiri dan rakan-rakan anda.
- Sekolah St. Agnes - pendaftaran untuk kemasukan Darjah 1, 2025, kini dibuka. Sila daftar di sekolah.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas**

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Tanda-tanda 'Kebangkitan Komuniti'

KEYAKINAN

"Semuanya itu kutuliskan kepada kamu, supaya kamu yang percaya kepada nama Anak Allah, tahu, bahwa kamu memiliki hidup yang kekal."

- 1 Yohanes 5:13

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Adakah anda dilindungi insurans - perjalanan, kesihatan, kereta, rumah, kebakaran, dsb.? Mengapa wujud keperluan sedemikian?
2. Baca 1 Yohanes 5:13. 'Hidup yang kekal' merujuk kepada 'hidup bersama Tuhan, dari sekarang sampai selama-lamanya'. Mengapa penting untuk memiliki kehidupan kekal? Adakah perlu bagi kita untuk memastikan kehidupan kekal kita? Bandingkan dengan seseorang yang tidak pasti, apakah perbezaannya kepada kehidupan Kristian kita?
3. Bagaimanakah kita boleh mendapat hidup yang kekal? 1 Yohanes 5:11-12. Bagaimanakah kita boleh yakin bahawa kita mempunyai hidup yang kekal?
4. Gunakan beberapa ujian berikut:
 - o adakah saya mempunyai Yesus dalam hidup saya? 1 Yohanes 5:11-13; 4:15
 - o adakah saya suka mentaati perintah Tuhan? 1 Yohanes 3:24
 - o adakah saya mengasihi umat Tuhan? 1 Yohanes 3:14-18
 - o adakah saya terus (berterusan) melakukan dosa? 1 Yohanes 5:18-19, 3:6-8
 - o adakah saya mempunyai keyakinan terhadap 'dunia, kedagingan dan syaitan'? 1 Yohanes 4:4, 5:4

Berdoa untuk satu sama lain; terutama, bagi mereka yang meragui iman mereka.

UNTUK DIDOA KAN

Kota yang tercinta

- untuk cinta kasih terhadap Kota Kinabalu
[agar kita boleh 'mencari kesejahteraan kota', dan kemakmurannya]

Diosis kita yang dikasih

- untuk Gereja Gembala Baik, Sandakan
[supaya jemaat akan terus bersemangat menyembah Tuhan dan melayani komuniti dengan berkesan]

Diri sendiri

- untuk keyakinan yang besar di dalam Tuhan
[agar kita percaya kepada-Nya dan berpegang pada janji-janji-Nya]
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.